

TITAH UCAPAN
D.Y.M.M YANG DI-PERTUAN BESAR NSDK
SEMPENA HARI KEPUTERAAN YANG KE-73



Titah Ucapan
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir

Sempena Hari Keputeraan Ke-73
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus

Khamis, 14 Januari 2021

Istana Besar Seri Menanti

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Sesungguhnya segala puji, sanjungan dan kesyukuran dirafak ke hadrat Allah S.W.T, Tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W semulia-mulia kejadian, juga ke atas kaum keluarga dan para sahabat Baginda. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, Beta dan Tunku Ampuan Besar diberikan keafiatan untuk menyambut Hari Keputeraan Beta yang ke-73. Namun penularan wabak Covid-19 yang melanda negara ketika ini menyebabkan sambutan Hari Keputeraan tidak dapat diteruskan seperti kelaziman tahun-tahun lepas.

Penghargaan Sembah Ucapan

2. Beta menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Besar yang mewakili pihak Kerajaan serta rakyat Negeri Sembilan seluruhnya atas sembah ucap selamat dan tahniah bersemesta Hari Keputeraan Beta. Sesungguhnya Beta dan Tunku Ampuan Besar amat menghargai keikhlasan sembah ucapan selamat, titipan doa dan ingatan semua rakyat sekalian sebagai tanda ingatan dan kasih sayang kepada Beta berdua serta ahli keluarga.

Cabaran Covid-19

3. Jika dibandingkan dengan negara-negara yang dianggap lebih maju dari segi kepakaran dan sistem kesihatan, kejayaan pengawalan penularan

wabak Covid-19 di Malaysia adalah amat mengagumkan. Kejayaan ini dicapai melalui kepimpinan agensi kesihatan di Malaysia yang telah mengatur perancangan dan strategi berkesan dalam memastikan penularan wabak ini dapat dibendung. Kita semua seharusnya menghargai dan berterima kasih atas tindakan segera mereka mengetuai usaha kawalan wabak ini yang dilaksanakan oleh semua jentera kerajaan yang berkaitan.

4. Beta berasa bangga dan amat menghargai komitmen serta dedikasi yang ditunjukkan oleh semua petugas barisan hadapan kesihatan, juga kepada anggota-anggota polis dan tentera serta para sukarelawan daripada agensi swasta dan NGO serta individu-individu yang telah memberi bantuan dengan pelbagai cara.
5. Kerajaan Beta juga telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meringankan bebanan mereka yang lebih terkesan daripada impak pandemik ini menerusi bantuan kepada aktiviti ekonomi harian mereka. Beta yakin dan percaya Kerajaan Beta sentiasa meletakkan fokus dan keutamaan dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat jelata terjamin dan terbela.

Kepimpinan Kerajaan Dan Jentera Pentadbiran

6. Dalam keperitan negara mendepani cabaran di kala situasi semasa Covid-19 ini, Beta menyeru agar kepimpinan kerajaan di peringkat persekutuan mahupun negeri dan rakyat keseluruhannya bersatu serta

sentiasa menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi, mempertahan dan melindungi negara ini. Kepentingan kestabilan negara perlu lebih diutamakan berbanding kecelaruan percaturan politik semasa yang meresahkan dan tidak berkesudahan. Sebagai pemimpin yang telah dibekalkan dengan amanah, berikanlah contoh teladan yang baik pada setiap masa dengan saling bergandingan dalam melahirkan buah fikiran yang bermanfaat demi kemaslahatan dan kepentingan rakyat, dan bukan untuk kepentingan sempit kelompok tertentu sahaja.

7. Menyedari akan impak pandemik ini ke atas ekonomi, Beta menggesa supaya Kerajaan Negeri teguh mengemudi pentadbiran dan kreatif mencorakkan strategi yang lebih dinamik dalam pelaksanaan pembangunan negeri ini ke arah pemulihan ekonomi. Usaha ini tidak hanya menuntut tanggungjawab di pihak Kerajaan semata-mata tetapi perlu turut dipikul bersama oleh segenap lapisan masyarakat termasuk pihak swasta dalam menggembeleng tenaga dan daya khidmat demi kesinambungan pembangunan dan pemajuan di Negeri Sembilan.

Perpaduan Dan Keharmonian Masyarakat

8. Sebagai sebuah negara majmuk, rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama serta budaya perlu sentiasa mewujudkan permuafakatan dan mengetepikan perbezaan demi mengekalkan keharmonian hidup bermasyarakat. Banjir yang berlaku di beberapa daerah baru-baru ini telah membuktikan tahap perpaduan dan keharmonian masyarakat di Negeri Sembilan. Tindakan pantas Kerajaan Negeri serta agensi-agensi yang

terlibat dengan kerjasama masyarakat yang prihatin, dapat memastikan mangsa-mangsa banjir diberikan bantuan segera dan sokongan yang sebaiknya tanpa mengira latar belakang mereka. Seperti mana dalam situasi Covid-19, masyarakat telah membuktikan bahawa kita mampu bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan. Beta menyeru agar semangat perpaduan ini terus diamalkan masyarakat sepanjang masa dan bukannya dalam situasi krisis sahaja.

Kebersihan Dijadikan Budaya

9. Di samping itu, Beta turut menyeru kepada semua agar menjadikan kebersihan sebagai satu budaya. Pemerhatian Beta mendapat terdapat segelintir masyarakat yang memandang remeh akan pentingnya kebersihan dengan membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya. Mutu sistem pengurusan sampah hendaklah ditambah baik tetapi ia bukanlah kaedah penyelesaian sebenar kerana yang lebih penting ialah sikap dan pendirian masyarakat terhadap kebersihan.

10. Pada tahun lepas, Beta telah melancarkan Kempen Negeri Sembilan Bersih bertemakan ‘Jangan Buang Sampah Merata-rata’ yang bertujuan untuk menyedarkan masyarakat akan pentingnya amalan kebersihan. Untuk memastikan amalan ini menjadi budaya dalam masyarakat, pendedahan haruslah dimulakan kepada kanak-kanak seawal pendidikan prasekolah dan di rumah, kemudian ia diteruskan sehingga mereka menamatkan pelajaran. Jika langkah seperti ini tidak dibuat, amalan budaya kebersihan tidak akan menyerap ke dalam masyarakat sampai bila-bila.

Ucapan Tahniah Kepada Penerima Pingat

11. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada semua para penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kali ini. Kurniaan ini adalah sebagai tanda penghargaan atas khidmat, jasa dan bakti yang telah diberikan kepada Beta, Kerajaan Beta dan Negeri Sembilan khususnya serta Malaysia secara amnya.
12. Beta juga ingin mengingatkan para penerima bahawa kurniaan ini merupakan pengiktirafan yang perlu sentiasa dipelihara kerana ia sangat berkait rapat dengan martabat dan kehormatan Institusi Diraja Negeri Sembilan. Oleh itu, setiap penerima mempunyai amanah untuk menjaga kemuliaan dan pengiktirafan yang dikurniakan dengan memastikan imej, tata susila, tingkah laku dan keperibadian masing-masing sentiasa terpelihara.

Ucapan Terima Kasih

13. Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Besar dan pihak Kerajaan, warga perkhidmatan awam persekutuan dan negeri serta pasukan-pasukan keselamatan atas sumbangan dalam menyempurnakan amanah untuk pembangunan, pemajuan, kesejahteraan dan kestabilan negeri ini. Begitu juga penghargaan Beta kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta, badan-badan bukan Kerajaan atau NGO, juga seluruh lapisan rakyat atas sumbangan, sokongan dan kesungguhan dalam bersama-sama

TITAH UCAPAN
D.Y.M.M YANG DI-PERTUAN BESAR NSDK
SEMPENA HARI KEPUTERAAN YANG KE-73

menghadapi permasalahan serta meneruskan kesinambungan usaha pembangunan negeri.

14. Mengakhiri titah, marilah sama-sama kita memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga kita semua segera terhindar dari segala bencana yang melanda dan seterusnya negeri ini dilimpahi dengan keberkatan serta kemakmuran yang berkekalan di bawah lindungan-Nya juga. Amin.

Sekian.

**Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**